

BAB 7

PERBINCANGAN

7.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai dapatan kajian ini serta dapatan-dapatan yang diperolehi oleh para pengkaji sebelum ini di dalam analisis data perbualan amnya dan data perbualan bahasa Jepun khasnya.

7.2 Celahan

Dapatan kajian ini menunjukkan celahan boleh dibahagikan kepada dua bahagian seperti yang telah diutarakan oleh Tannen (1993) dan Shaw (2000). Celahan boleh dibahagikan kepada celahan yang mengganggu penutur semasa atau celahan yang menyokong hujah penutur semasa.

P yang merupakan seorang pengacara, melakukan celahan ke atas ujaran penutur semasa kerana,

1. ingin memberi giliran bercakap kepada peserta lain,
2. menyokong hujah penutur semasa,

3. memberi persetujuan dan
4. memberi penerangan atau idea kepada penutur semasa.

Pendengar iaitu peserta lain melakukan celahan ke atas ujaran penutur semasa untuk,

1. menyokong ujaran penutur semasa dari kumpulan yang sama,
2. merampas giliran daripada penutur semasa dari kumpulan yang berlawanan,
3. mengganggu dan memberi tekanan psikologi kepada penutur semasa dari kumpulan yang berlawanan dan
4. meminta persetujuan dari P dan atau penutur semasa untuk mengambil giliran.

7.2.1 Celahan yang Mengganggu

Celahan digunakan apabila seseorang pendengar dengan sengaja dan memang berniat untuk mengganggu percakapan penutur semasa. Celahan ini dilakukan oleh peserta dari kumpulan parti politik yang berlawanan dengan penutur semasa. Seperti yang diutarakan oleh Kubota (2001), celahan yang dilakukan oleh ahli politik di dalam perbahasan *Diet* memang bertujuan untuk mengganggu penutur semasa agar ujaran penutur semasa tidak dapat didengar dengan jelas oleh peserta lain atau pendengar.

Oleh kerana subjek kajian penulis juga adalah merupakan ahli politik, memang terdapat unsur-unsur gangguan dengan sengaja agar ujaran penutur semasa tidak dapat didengar dengan jelas. Peserta yang membuat celahan ini, bukan sahaja melakukan celahan supaya ujaran penutur semasa tidak dapat didengar dengan jelas malah memberi tekanan psikologi kepada penutur semasa agar penutur semasa tidak meneruskan ujaran mereka.

Peserta yang membuat celahan juga akan bercakap seiring dengan penutur semasa agar peserta yang lain juga mendengar percakapannya. Peserta yang membuat celahan ini juga tidak bersendirian di dalam memberi tekanan psikologi kepada penutur semasa. Dia akan berbisik dengan rakan-rakan dari kumpulan parti politik yang sama atau ketawa sesama mereka. Celahan sebegini juga digunakan apabila seseorang peserta ingin merampas giliran bercakap dari penutur semasa.

Jika penutur semasa berhenti dari membuat ujaran akibat diganggu oleh peserta ini, niat peserta untuk merampas giliran bercakap akan berjaya. Terdapat tiga fungsi celahan yang mengganggu ini iaitu,

1. supaya pendengar lain tidak dapat mendengar ujaran penutur semasa dengan jelas,
2. untuk memberi tekanan psikologi kepada penutur semasa dan
3. sebagai satu percubaan untuk merampas giliran.

7.2.2 Celahan yang Menyokong

Pendengar juga membuat celahan apabila ingin menyokong hujah, memberi idea dan menyatakan persetujuan. Celahan jenis ini dilakukan oleh peserta dari kumpulan parti politik yang sama dengan penutur semasa. Seperti juga dapatan Jamaliah (1995a), dan Tannen (1993), celahan yang berlaku bukanlah merupakan satu gangguan atau melanggar kesantunan berkomunikasi, malah menunjukkan sikap yang saling bekerjasama antara penutur. Tannen menamakan celahan jenis ini sebagai pertindanan.

Celahan yang dibuat oleh P pula, selain daripada menyokong, memberi idea dan menyatakan persetujuan, adalah untuk memberi giliran bercakap kepada peserta lain. Celahan oleh P tidak berunsurkan gangguan kerana P mempunyai hak mutlak untuk mengawal perbualan. P bertindak sebagai ‘polis trafik’ yang mengawal perjalanan lalu lintas, di mana ada masa P terpaksa mengawal ‘pemandu’ yang tidak sabar dari mengganggu ‘kenderaan’ lain, sama ada ‘pemandu’ terbabit memotong ‘barisan’ atau membunyikan ‘hon’ berulang kali. P juga mengawal dari berlakunya ‘kemalangan’ akibat sikap pemandu yang melanggar etika ‘jalan raya’.

Oleh kerana subjek kajian penulis adalah dua kumpulan parti politik yang berlawanan, dapatan kajian ini, iaitu membuat gangguan dan memberi tekanan kepada peserta yang berlawanan, sebaliknya saling bekerjasama antara satu sama lain di dalam kumpulan yang sama adalah dapat dijangkakan.

Di dalam perbualan perorangan pula, iaitu perbualan di antara P dan seorang peserta sahaja, tidak terdapat bukti yang menunjukkan bahawa celahan yang dilakukan oleh P dan peserta tersebut merupakan gangguan di dalam perbualan. Celahan dilakukan oleh P sekiranya peserta memberi jawapan yang menyimpang dari soalan, memberi idea dan menyatakan ‘persetujuan’ kepada peserta. Celahan dilakukan oleh peserta terhadap ujaran P apabila peserta sudah dapat ‘menangkap’ maksud soalan P. Peserta tidak menunggu sehingga P menamatkan soalan sebaliknya terus memulakan ujaran sebaik sahaja dapat menangkap maksud soalan P.

Kesimpulannya, celahan yang merupakan gangguan hanya berlaku di dalam perbincangan berkumpulan dan ia dilakukan oleh para peserta yang berlawanan ideologi politik dengan penutur semasa. Celahan ini dilakukan oleh peserta yang kanan atau berumur daripada penutur semasa. Celahan yang dilakukan oleh peserta yang sama parti politik dengan penutur semasa di dalam perbualan berkumpulan dan celahan yang dilakukan di dalam perbualan perorangan nyata bukan merupakan satu gangguan sebaliknya untuk memenuhi matlamat komunikasi sesama mereka.

Walaupun tiada peraturan tertentu bila masa yang sesuai untuk membuat celahan, dapatan kajian menunjukkan celahan berlaku pada unit PPU [menyokong teori Maynard (1993)] atau predikat [menyokong teori Tanaka (2000)], iaitu jeda yang terdapat di antara ujaran. Tempat ini juga boleh dinamakan sebagai

kemungkinan TRP bagi sesuatu ujaran. Ini menunjukkan peserta yang membuat celahan tidak melakukan celahan secara sewenang-wenangnya, sebaliknya menunggu penutur semasa berada pada unit idea tertentu. Peserta menunggu masa yang sesuai sebelum membuat celahan dan ini juga merupakan salah satu kesantunan di dalam berkomunikasi.

Nyatalah, walaupun tidak jelas, peraturan pengambilan giliran tetap wujud walaupun tiada sebarang peraturan bertulis. Peraturan ini dikongsi oleh setiap masyarakat bahasa dan setiap penutur asli sesuatu bahasa mengetahui dan memahami bila dan bagaimana mengambil giliran atau membuat celahan.

Kajian yang lebih khusus mengenai celahan mungkin diperlukan dengan melihat dengan lebih jauh iaitu bukan sahaja cara dan fungsi celahan tetapi juga kepada isi perbualan yang memungkinkan celahan berlaku.

7.3 Pertindanan

Celahan akan menyebabkan pertindanan berlaku sekiranya penutur semasa masih bercakap semasa peserta lain membuat celahan. Jika seseorang peserta membuat celahan berulang kali maka bilangan pertindanan akan bertambah. Walau bagaimanapun celahan yang dilakukan dengan tujuan untuk merampas giliran atau memberi tekanan, akan menyebabkan pertindanan berlaku dengan lebih kerap dan dalam masa yang agak lama.

Walau bagaimanapun bukan semua celahan menyebabkan pertindanan. Pertindanan hanya berlaku apabila peserta kedua membuat celahan semasa penutur semasa belum menghabiskan satu-satu unit idea atau jeda, atau apabila penutur semasa terus membuat ujaran apabila dicelah, dan penutur kedua juga terus membuat celahan.

Pertindanan tidak akan berlaku sekiranya, penutur kedua mencelah ketika jeda penutur semasa, atau jika penutur semasa tidak meneruskan ujaran sebaliknya memberi peluang kepada penutur kedua tersebut membuat pertanyaan atau pernyataan. Namun peluang sebegini agak sukar untuk diberikan kepada penutur kedua dari kumpulan parti politik yang berlawanan, kerana sejak awal lagi mereka sudah bertentangan pendapat. Lagipun, hak bercakap dipegang oleh penutur semasa dan dia berhak untuk meneruskan ujarannya sampai selesai sama ada dicelah atau ujarannya bertindan dengan peserta lain.

Selain daripada itu, pertindanan berlaku bukan sahaja akibat celahan tetapi kerana percakapan serentak di antara penutur semasa dan penutur kedua. Pertindanan jenis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan dapatan Tanaka (2000). Apabila penutur kedua mengagak dan yakin bahawa penutur semasa sudah sampai pada kemungkinan TRP, penutur kedua akan memulakan ujarannya pula. Pada masa ini penutur kedua haruslah dapat memastikan elemen akhir ujaran penutur seperti kata kerja atau partikel akhir. Pertindanan ini berlaku dalam masa yang singkat sahaja kerana sememangnya penutur semasa sudah

selesai memberi pendapat dan tidak berniat untuk meneruskan atau menyambung semula ujarannya. Pertindanan ini berlaku pada hujung ujaran penutur semasa dan pada awal ujaran penutur kedua.

Kajian ini menyokong dapatan Tanaka (2000) yang mengatakan pertindanan jenis ini berlaku pada elemen akhir ujaran. Penulis menamakan situasi ini sebagai satu pertindanan (bukan celahan) kerana ia nyata berlaku setelah pendengar (yang mula mengambil giliran) memastikan elemen akhir ujaran penutur semasa terlebih dahulu sebelum mengambil giliran.

Walaupun penutur kedua membuat ujaran sebelum sempat penutur semasa menghabiskan ujarannya, perlakuan penutur kedua tidak dianggap sebagai celahan kerana ia berlaku pada kemungkinan TRP penutur semasa. Iaitu, penutur semasa pada masa itu telah bersedia untuk menutup giliran dan memberi giliran seterusnya kepada penutur yang lain. Perlakuan ini langsung tidak mengganggu penutur semasa atau para peserta lain. Lebih-lebih lagi jika P yang membuat perlakuan seperti itu.

Di dalam perbualan mana-mana bahasa pun terdapat fenomena seperti ini kerana secara semula jadi, penutur sesuatu bahasa terutamanya penutur asli dapat mengagak bila penutur semasa akan menutup giliran. Agakan ini adalah berdasarkan peraturan nahu, intonasi atau isyarat tertentu yang dikirim oleh penutur semasa sama ada secara lisan atau bukan lisan. Mesej bukan lisan yang

disampaikan mungkin dengan memandang peserta lain, menundukkan kepala atau memberi bahasa badan yang lain seperti mana yang telah diutarakan oleh Fox (2000).

Pertindanan yang berlaku di dalam perbualan perorangan kebanyakannya bukan disebabkan oleh celahan tetapi disebabkan oleh faktor kedua. Iaitu ujaran bertindan pada akhir ujaran penutur semasa dan di awal ujaran penutur kedua kerana sebab-sebab seperti di atas.

Pertindanan sebegini adalah disebabkan penutur bahasa Jepun lebih cenderung menunggu sehingga beberapa suku kata terakhir penutur semasa sebelum memulakan ujaran sendiri. Nyata kajian ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Tanaka (2000). Ini menunjukkan seperti mana yang diutarakan beliau, penutur bahasa Jepun mengambil giliran agak lewat berbanding penutur bahasa Inggeris. Dan ini mengesahkan pendapat Mizutani (1983) bahawa penutur bahasa Jepun adalah pendengar yang taat.

Kesimpulannya pertindanan berlaku,

1. kerana celahan penutur kedua,
2. pada hujung ujaran penutur semasa dan awal ujaran penutur kedua, tanpa niat penutur kedua untuk merampas giliran tetapi

kerana mengagak penutur semasa telah berada pada kemungkinan TRP,

3. pada hujung ujaran penutur semasa dan awal ujaran penutur kedua, dengan niat penutur kedua untuk merampas giliran, dan

4. akibat celahan bukan dengan tujuan untuk merampas giliran tetapi untuk mengganggu dan memberi tekanan psikologi kepada penutur semasa. Ia juga bertujuan agar ujaran penutur semasa tidak dapat di dengar dengan jelas. Ia dilakukan oleh peserta dari kumpulan yang berlawanan.

7.4 Kuasa di dalam Perbualan

Dapatan kajian Jariah (1999) dan Tan (1997) menunjukkan bahawa penutur lelaki menguasai perbualan berbanding wanita dan peserta yang berstatus tinggi sama ada wanita atau lelaki akan menunjukkan kuasa di dalam perbualan. Kajian oleh Shaw (2000) terhadap perdebatan di parliment Britain menunjukkan ahli parliment sama ada lelaki atau wanita yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi lebih ‘berkuasa’ di dalam perdebatan tersebut. Namun ahli parliment lelaki lebih banyak menunjukkan kuasa berbanding wanita. Mereka menunjukkan kuasa dengan melakukan celahan dan bercakap dengan lebih lama.

Walau bagaimanapun, oleh kerana subjek kajian ini adalah lelaki sahaja dan kesemua mereka pula berstatus tinggi, kuasa tidak dapat dilihat melalui jantina atau status mereka. Peserta yang menunjukkan kuasa di dalam perbualan ini adalah peserta yang kanan di dalam *Diet* atau politik, atau lebih berumur berbanding peserta yang lain, serta peserta yang memegang jawatan tertinggi parti.

Seperti juga dapatan Shaw (2000), peserta ini menunjukkan kuasa dengan melakukan banyak celahan yang mengganggu dan cuba bercakap dengan lama. Mereka juga merampas giliran dan mengganggu ujaran penutur lain supaya ujaran penutur tersebut bertindan dengan ujaran mereka, dan ini menyebabkan ujaran penutur tersebut tidak dapat didengar dengan lebih jelas. Dapatan ini menyokong pendapat Kubota (2000). Kuasa juga ditunjukkan melalui penggunaan kata yang agak kasar seperti memanggil lawan dengan panggilan ‘*anata*’ (awak) dan penggunaan kata perintah ‘*nasai*’ (~ buat).

Konsep kekananan ini berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka di dalam politik atau sebagai ahli *Diet*. Kita akan dapat melihat bahawa kuasa ditunjukkan melalui celahan yang dilakukan oleh peserta yang kanan ini terhadap peserta dari kumpulan politik yang berlawanan. Bukti menunjukkan bahawa peserta-peserta kanan ini bukan sahaja dihormati oleh peserta dari kumpulan politik yang sama, malah peserta dari kumpulan politik yang berlawanan.

Ini berdasarkan kenyataan bahawa tiada peserta yang lebih muda atau lebih rendah kedudukannya di dalam parti melakukan celahan terhadap ujaran peserta yang kanan dengan tujuan untuk mengganggu. Sedangkan, celahan yang dilakukan oleh peserta-peserta kanan ini terhadap ahli politik yang lebih muda atau kurang pengalaman politik berbanding mereka, memang bertujuan untuk mengganggu ujaran peserta terbabit. Celahan yang menekan dan mengganggu ini dilakukan oleh peserta yang kanan terhadap ahli politik dari kumpulan yang berlawanan.

Sebaliknya, ahli politik yang lebih muda atau berkedudukan lebih rendah tidak melakukan celahan terhadap peserta kanan dengan tujuan untuk mengganggu, sama ada peserta kanan tersebut dari kumpulan parti politik yang sama ataupun berlawanan. Jika peserta ini ingin mengambil giliran atau membuat pertanyaan kepada peserta kanan yang berlawanan parti politik, mereka akan meminta kebenaran P atau peserta kanan tersebut terlebih dahulu.

Konsep kekananan atau di dalam bahasa Jepun *senpai-kohai* (senior-junior) merupakan satu konsep yang amat istimewa kerana junior amat menghormati senior dan ‘menurut’ kata-kata senior. Senior pula akan memberi tunjuk ajar atau berkongsi pengalamannya dengan junior. Di dalam perbincangan ini, sebagai ahli politik yang junior di dalam parlimen, mereka akan cenderung untuk mengalah walaupun diganggu oleh senior mereka. Senior pula

kerana kekanan mereka, cenderung untuk mengambil giliran tanpa menunggu peserta junior selesai membuat ujaran. Mereka juga akan cenderung menggunakan bahasa yang agak kasar terhadap junior yang berlawanan parti politik dengan mereka sekiranya junior tersebut tidak memberi giliran kepada mereka, atau apabila junior melakukan celahan dengan cubaan untuk merampas giliran.

Adakala peserta junior akan tetap membuat ujaran sekiranya diganggu oleh peserta senior. Namun mereka tidak berbuat apa-apa usaha untuk menghalang peserta senior mengganggu mereka. Mereka akan meneruskan ujaran sehinggalah peserta senior ini berhenti dari membuat ujaran atau mereka sendiri berhenti di pertengahan ujaran. Ini menunjukkan para peserta yang lebih senior lebih berkuasa di dalam perbualan. Kuasa mereka secara tidak langsung turut diakui oleh peserta junior sama ada dari parti yang berlawanan atau tidak.

Pengerusi perbincangan ini turut mengesahkan kuasa peserta yang kanan dan berkedudukan lebih tinggi dengan memberi giliran kepada mereka apabila kedua-dua belah pihak iaitu senior dan junior ini ‘bertembung’ atau ketika ingin mengambil giliran.

Kuasa ditunjukkan oleh peserta yang kanan, berumur dan berkedudukan lebih tinggi melalui,

1. celahan atau cubaan merampas giliran,
2. Cubaan untuk bercakap dengan lebih lama,
3. penggunaan kata yang agak ‘kasar’ seperti kata perintah *nasai* dan kata ganti diri kedua, *anata*,
4. bahasa yang terus terang atau mengkritik secara terbuka.

7.5 Strategi Perbualan-Mengekalkan Giliran

Kajian Tanaka (2000) terhadap perbualan pendek menunjukkan penutur semasa menggunakan strategi mengekalkan giliran dengan bercakap cepat atau tidak mengendahkan kemungkinan TRP, menggunakan intonasi yang tinggi atau tidak menunjukkan sebarang perubahan pada intonasi. Strategi ini digunakan bagi mengelak penutur kedua memulakan ujaran.

Di dalam kajian ini, dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri perbualan pendek ini juga terdapat di dalam perbualan perbincangan atau ujaran yang panjang. Walau bagaimanapun, jika dapatan kajian Tanaka (2000) iaitu bercakap cepat atau perubahan intonasi (atau tanpa intonasi) berlaku pada unit yang kecil seperti predikat, dapatan data penulis menunjukkan bercakap cepat dan perubahan (atau tanpa perubahan) pada intonasi berlaku pada unit yang lebih luas iaitu bukan sahaja pada predikat tetapi juga ayat. Mereka akan bercakap cepat

pada setiap unit PPU atau menyambungkan ayat dengan ayat yang seterusnya dengan cepat. Ada penutur yang menggunakan intonasi tinggi dan ada penutur tidak menunjukkan sebarang perubahan intonasi pada hujung unit PPU atau hujung ayat bagi menunjukkan dia masih akan meneruskan ujarannya.

Selain daripada strategi-strategi di atas penutur semasa juga akan menukar bentuk kata kerja *masu* kepada bentuk *te* atau bentuk *shi* yang menunjukkan penutur semasa masih meneruskan ujaran. Ini dilakukan kerana kata kerja merupakan penutup kepada sesuatu ayat (bukan penutup kepada ujaran). Oleh itu untuk mengelakkan penutur kedua merampas giliran atau membuat celahan, penutur semasa akan menukar bentuk kata kerja tersebut kepada bentuk *te* dan bentuk *shi*. Apabila teknik sebegini digunakan, secara langsung menunjukkan penutur semasa masih mempunyai ujaran seterusnya. Ini menyebabkan ayat-ayat menjadi satu ayat majmuk yang panjang.

Selain daripada menuarkan kata kerja bentuk *masu* kepada bentuk *te* dan *shi*, ada penutur, selepas ujaran *te* dan *shi* tersebut, akan menyambungkan ujaran itu kepada kopula *desu* dan partikel *ne*. Partikel *ne* pula disebut dengan nada yang tinggi dan tergantung. Ini juga bertujuan untuk memberitahu pendengar bahawa dia belum sampai kepada penamat ujaran. Tambahan pula, dengan menyambung *desune* kepada *te* dan *shi*, akan lebih menunjukkan kepada pendengar bahawa dia belum menyelesaikan satu ayat. *Shitene* dan *shine* atau *shitedesune* dan *shidesune* mempunyai lebih kekuatan bagi menunjukkan penutur

semasa belum menyelesaikan satu unit ayat atau ujaran. Tanpa *desu* juga penutur boleh mengujarkan *tene* atau *shine* bagi tujuan yang sama tetapi tidak mempunyai kekuatan yang sama dengan *tedesune* atau *shidesune*.

Akhir sekali penggunaan kata penyambung seperti *de*, *soshite*, *mata*, *sorekara* dan sebagainya. Kata penyambung ini berada di awal ayat dan jelas menunjukkan bahawa penutur semasa akan atau masih meneruskan ujarannya. Kata penyambung ini biasanya diujarkan dengan cepat selepas satu-satu unit ayat selesai bagi mengelakkan ujarannya dicelah oleh penutur lain.

7.6 Strategi Perbualan-Menutup Giliran

Kajian Tanaka (2000) mendapati kemungkinan TRP di dalam perbualan pendek berlaku pada komponen akhir predikat, partikel akhir, atau kata kerja akhir, tetapi data kajian ini menunjukkan di dalam perbualan perbincangan perorangan mahupun berkumpulan kemungkinan TRP boleh dikenal pasti melalui kata kerja penutup seperti *to omoimasu* dan *to kangaemasu* serta beberapa kata kerja lain membawa maksud ‘saya fikir’ atau ‘saya berpendapat’ dan sebagainya sebagai satu rumusan terhadap kesemua ujaran sebelumnya.

Perbezaan dapatan kajian ini dengan dapatan kajian Tanaka (2000) adalah kerana konteks perbualan yang berbeza. Iaitu kajian Tanaka adalah berdasarkan perbualan sehari-hari yang melibatkan ujaran yang pendek sedangkan kajian ini adalah perbincangan serius yang melibatkan ujaran yang panjang.

Elemen akhir ujaran seperti yang didapati oleh Tanaka seperti kata kerja terbitan *masu*, kopula dan partikel akhir tidak relevan di dalam kajian perbincangan ini. Sebaliknya kata kerja yang mempunyai makna ‘penutup’ atau ‘kesimpulan’ secara keseluruhan seperti di atas menunjukkan kemungkinan TRP seseorang penutur semasa. Selain daripada penggunaan kata kerja seperti di atas, penutur semasa juga menutup giliran dengan meninggikan atau merendahkan intonasi pada hujung ujarannya.

Di dalam wacana perbincangan, had masa bercakap adalah lebih lama berbanding di dalam wacana perbualan harian. Ini kerana apabila seseorang peserta diminta memberi pandangan oleh P berkenaan dengan sesuatu isu, maka seharusnya peserta tersebut berhak untuk menyampaikan apa sahaja pandangannya dan bercakap dengan lama adalah sesuatu yang telah dijangka oleh kedua-dua pihak. P atau peserta-peserta lain tidak akan memotong atau membuat celahan terhadap ujaran penutur semasa sewenang-wenangnya sehingga seseorang penutur itu selesai membuat ujaran.

Apabila penutur merasa sudah tiada apa-apa lagi yang ingin dikongsi bersama peserta lain, penutur akan menutup ujaranya. Penutur sama ada di dalam perbincangan berkumpulan atau perorangan akan menggunakan kata kerja *to omoimasu*, *to kangaemasu* atau kata kerja lain yang membawa maksud yang sama dengan kedua-dua kata kerja tersebut.

Penulis ingin menyebut di sini bahawa penggunaan kata kerja sebegini adalah salah satu daripada pantulan budaya bangsa Jepun yang mempunyai konotasi ketidakpastian. Ini adalah salah satu daripada sikap *indirectness* bangsa atau penutur bahasa Jepun termasuklah penutur kedua bahasa Jepun.

Terdapat perbezaan yang jelas di antara ayat,

ashitadesu (esok) dan

ashitadato omoimasu (saya rasa esok)

Ayat kedua merupakan ayat yang lebih lembut dan tidak tegas serta tidak begitu ‘terang’. Ini akan dapat menolong seseorang penutur lari daripada tanggungjawab di atas ujarannya jika pendapatnya ditentang atau dipertikaikan oleh orang lain. Penggunaan kata kerja sebegini juga adalah sebagai salah satu langkah penutur bahasa Jepun untuk mengelak dari berlakunya konflik jika pendapatnya bertentangan dengan penutur lain.

Perbincangan mengenai sifat tidak terus-terang penutur bahasa Jepun tidak akan habis untuk dikupas di dalam tesis ini. Oleh kerana objektif kajian ini bukanlah untuk melihat sifat tidak terus-terang penutur bahasa Jepun, penulis ingin menutup perbincangan mengenainya dengan kata-kata Ogasawara,

細かくはっきり言う人がいれば、その人はおかしな人である
ということにもなる。

Jika ada orang yang bercakap secara jelas, orang itu mungkin
dianggap sebagai orang yang pelik.

(Ogasawara, 1972: 14)

Selain daripada itu, ujaran *haa*, *hai* dan *hoo* juga merupakan satu tanda
bahawa penutur sudah sampai ke penghujung ujaran dan ujaran sebegini
berlaku hanya di dalam perbualan perorangan. Selepas ujaran *haa*, *hai* dan *hoo*,
penutur semasa mendiamkan diri dan P kemudian bertanyakan soalan seterusnya
pada penutur semasa.

Intonasi yang tinggi atau rendah (bergantung kepada emosi penutur) pada
perkataan terakhir sesuatu ujaran turut digunakan bersama-sama dengan kata
kerja penutup atau ujaran *haa*, *hai* dan *hoo*.

Seperti yang telah dikupas di dalam Bab 5, penggunaan *haa*, *hai* dan
hoo, seperti mana penggunaan kata kerja penutup, turut menunjukkan ciri-ciri
yang tidak tegas dan tidak terang dari segi maksud sipenutur. Atau dengan kata
lain penutup seperti ini, turut mempunyai konotasi ketidakpastian. Luahan nafas
berat sipenutur, semasa mengujarkan *haa* dan *hoo* membayangkan apa-apa
pendapat yang diutarakan sebelum itu adalah hanya dari pandangan sipenutur.
Ujaran *hai* walaupun lebih jelas berbanding dua ujaran tersebut turut mempunyai
konotasi ketidakpastian jika intonasi yang rendah digunakan semasa penutur
mengujarkan *hai* tersebut.

7.7 Strategi Perbualan-Mengambil Giliran

Penutur kedua akan mengambil giliran setelah penutur semasa berada pada kemungkinan TRP seperti yang telah dinyatakan di dalam 6.6. Selain dari itu, celahan juga merupakan satu kaedah yang digunakan oleh penutur kedua untuk mengambil atau merampas giliran daripada penutur semasa sekiranya mereka tidak sabar menunggu penutur semasa menghabiskan ujaran. Celahan dilakukan pada unit idea (PPU), iaitu semasa penutur semasa mengambil jeda sebelum meneruskan unit idea yang seterusnya.

Pertindanan yang berlaku pada akhir ujaran penutur semasa dan di awal ujaran penutur kedua juga sebenarnya selain daripada berlaku secara tidak sengaja, juga berlaku kerana motif yang tertentu. Ia mempunyai strategi-strategi tertentu. Ini merupakan satu strategi penutur kedua untuk tidak membenarkan penutur semasa memanipulasikan TRP, satu strategi supaya penutur lain tidak mengambil giliran sebelum dirinya, atau satu strategi agar P tidak memberikan hak bercakap kepada peserta lain.

Peserta juga akan meminta kebenaran daripada P atau penutur semasa jika ingin mengambil giliran bercakap dari penutur semasa. Jika P tidak bersetuju dan penutur semasa meneruskan ujaran yang terganggu itu, maka dengan sendirinya peserta yang meminta kebenaran bercakap itu mendiamkan diri. Ada peserta yang menawarkan diri untuk bercakap dengan mengangkat tangan terlebih

dulu apabila merasakan penutur semasa sudah berada di akhir ujaran. Ini merupakan satu strategi yang sopan untuk mengambil giliran bercakap.

Nyatahalah bahawa terdapat dua jenis strategi yang digunakan oleh para peserta bagi mengambil giliran. Strategi yang biasa digunakan dan lebih sopan adalah dengan meminta kebenaran P atau penutur semasa, sama ada dengan meminta secara lisan atau menggunakan bahasa badan. Seperti yang diutarakan oleh Shaw (2000), penutur semasa berhak untuk tidak membenarkan peserta lain membuat ujaran atau mengambil giliran dengan tidak mengendahkan ujaran atau perlakuan peserta tersebut.

Satu cara yang lebih ‘tegas’ atau agak kasar adalah dengan membuat celahan tanpa mengendahkan ujaran penutur semasa. Celahan jenis ini bukan untuk memberi idea atau menyokong ujaran penutur semasa tetapi untuk mengganggu dan cuba merampas giliran. Perlakuan seperti ini hanya berlaku di dalam perbincangan berkumpulan dan peserta yang berbuat demikian adalah terdiri daripada ahli kumpulan parti politik yang bertentangan dengan penutur semasa. Ia dilakukan oleh peserta yang kanan daripada penutur semasa.

7.8 *Aizuchi*

Dapatan kajian ini telah cuba menjawab tulisan Kubota (2000), iaitu bila, apa tujuan dan *aizuchi* yang bagaimana sesuai diberikan dalam masa yang tertentu. Nyata bahawa seseorang penutur asli bahasa Jepun mempertimbangkan penggunaan *aizuchi* yang bagaimana, bila dan dengan apa tujuan dalam masa yang cukup singkat sebelum memberi *aizuchi* kepada penutur semasa.

Berdasarkan petikan-petikan data perbualan di dalam Bab 4 dan Bab 5 kita dapat melihat dapatan kajian ini juga menyokong kajian Maynard (1993). Iaitu, *aizuchi* dikeluarkan oleh pendengar atau penutur kedua, biasanya semasa penutur semasa berada di unit PPU. Ini menunjukkan bahawa adalah penting bagi seseorang pendengar memberi kerjasama (terutama pada unit PPU) kepada penutur semasa dengan memberi *aizuchi* bagi membolehkan penutur semasa berasa selesa untuk meneruskan ujaran.

Aizuchi yang paling kerap digunakan di dalam perbualan kajian ini ialah *aizuchi un*, iaitu menduduki 88.38% daripada jumlah keseluruhan *aizuchi* di dalam perbincangan berkumpulan. Ini diikuti oleh *aizuchi hai* iaitu 4.46% dan *aizuchi* pengulangan 2.40%. Di dalam perbincangan perorangan pula, *aizuchi un* menduduki 74.57%, diikuti oleh *aizuchi hai*, 10.79% dan *aizuchi ee*, 10.58%.

Ini membuktikan bahawa *aizuchi* pendek seperti *un*, *ee* dan *hai* sangat kerap digunakan oleh penutur asli bahasa Jepun. Ini disebabkan ujaran pendek sebegini juga telah pun memenuhi fungsi *aizuchi* yang sebenarnya. Di dalam wacana perbincangan yang memerlukan masa yang agak lama bagi sesuatu ujaran atau jawapan, adalah lebih sesuai untuk pendengar menggunakan *aizuchi* yang pendek sebegini, seperti yang telah penulis nyatakan di dalam Bab 5 mengenai fungsi dan kelebihan *aizuchi* pendek di dalam perbualan.

Daripada jumlah *aizuchi* dan kekerapan *aizuchi* yang digunakan di dalam kajian ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa *aizuchi* sememangnya adalah ciri-ciri utama perbualan bahasa Jepun. Ini dibuktikan dengan bilangan *aizuchi*, iaitu sebanyak 11-12 *aizuchi* di dalam satu minit ujaran di dalam perbualan berkumpulan, dan 10-16 *aizuchi* di dalam satu minit ujaran, di dalam perbualan perorangan. Ini menunjukkan di dalam kajian ini peserta menggunakan sekurang-kurangnya 10 *aizuchi* di dalam satu minit ujaran. Dan bilangan *aizuchi* yang paling banyak digunakan adalah 16 *aizuchi* di dalam satu minit ujaran. Kesimpulannya, pada setiap empat saat sehingga enam saat ujaran penutur, pendengar akan memberi satu *aizuchi*.

Kita boleh membahagikan *aizuchi* kepada tiga bahagian utama iaitu *aizuchi* berganda, *aizuchi* pengulangan dan *aizuchi* penutup. *Aizuchi* berganda adalah *aizuchi* yang diulang sebanyak dua, tiga atau empat kali seperti *aizuchi un*, *hai*, *ee*, *haa*, dan *hoo*. *Aizuchi* pengulangan adalah *aizuchi* di mana pendengar

mengulang semula kata-kata atau morfem ujaran penutur semasa. Manakala *aizuchi* penutup adalah *aizuchi* seperti *haa*, *hoo* dan *naruhoodo* yang menunjukkan pendengar memberi *aizuchi* seperti itu apabila penutur sudah sampai di peringkat akhir ujaran atau sebagai satu tanda pendengar kepada penutur semasa agar bersedia untuk menamatkan ujarannya.

Nyatalah bahawa *aizuchi* bukan sahaja berfungsi sebagai *continuer* seperti yang dikatakan oleh Schegloff (1982) tetapi juga bertindak sebagai isyarat supaya penutur menutup perbualan dan bertujuan untuk mengawal perbualan penutur. *Aizuchi* ini adalah *aizuchi* penutup seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab 6.

Dapatan kajian ini amat menarik perhatian kerana setakat ini penulis belum menjumpai mana-mana tulisan mengenai *aizuchi* yang berfungsi atau memberi isyarat kepada penutur semasa agar menutup ujaran. Kajian dan perbincangan seterusnya adalah perlu bagi menyelidik dan membincangkan dapatan kajian ini. Walaupun penulis menamakan *aizuchi* ini sebagai *aizuchi* penutup, ia tidak bersalah dari fungsi sebenarnya sebagai *continuer* (schegloff: 1982), kerana *aizuchi* penutup dikeluarkan oleh pendengar bukan bertujuan supaya penutur semasa berhenti serta merta, sebaliknya bersedia untuk menutup ujaran. Ini dapat dibuktikan melalui sikap pendengar yang masih memberi *aizuchi* kepada ujaran penutur semasa yang seterusnya dan penutur semasa pula mengambil masa tertentu sebelum menutup ujaran selepas diberi *aizuchi* penutup.

itu. Jika tiada tanda penutur semasa akan menutup ujaran pendengar akan membuat celahan dan merampas giliran.

Tidak dapat dinafikan bahawa *aizuchi* berperanan sebagai lampu hijau atau sebagai satu isyarat oleh pendengar kepada penutur semasa agar meneruskan ujaran. Selain dari itu, ia mempunyai fungsi yang lebih penting iaitu mengawal ‘perjalanan’ perbualan agar perbualan berlangsung dengan lebih lancar dan teratur. Selain dari memberitahu penutur semasa agar meneruskan ujaran, *aizuchi* juga memberitahu tahap ‘persetujuan’ atau minat pendengar kepada penutur. Jika *aizuchi* digandakan ia menunjukkan bahawa ‘tahap’ persetujuan atau minat pendengar terhadap ujaran penutur itu mendalam dan penutur masih boleh meneruskan ujaran.

Walaupun penulis menggunakan perkataan ‘persetujuan’ atau ‘minat’ pendengar terhadap ujaran penutur di dalam memberikan fungsi *aizuchi*, penulis ingin mengingatkan bahawa ia tidak semestinya memberikan maksud yang sama seperti yang tecetak di dalam kamus. Ini kerana salah satu fungsi *aizuchi* adalah sebagai *continuer* semata-mata, kesahihan ‘persetujuan’ atau ‘minat’ pendengar terhadap ujaran penutur adalah boleh diragui. Ini bertepatan dengan pendapat Ueda (1974) bahawa hanya di kalangan keluarga orang Jepun berterus-terang, sedangkan di luar mereka menggunakan bahasa yang *aimai* (taksa).

Selain itu, *aizuchi* boleh bertindak sebagai ‘lampa kuning’ yang memberitahu pendengar agar bersedia untuk menutup ujaran. *Aizuchi* yang bertindak sebagai ‘lampa kuning’ ini adalah *aizuchi hai* dan *naru hodo*. Jika penutur tidak mengendahkan isyarat ini, P akan memotong ujaran penutur.

Penemuan ini merupakan penemuan yang amat menarik kerana setakat pemerhatian penulis mengenai *aizuchi*, *aizuchi* yang menunjukkan minat pendengar terhadap ujaran penutur dan, memberi isyarat lampu kuning oleh pendengar kepada penutur ini belum ditemui di dalam mana-mana tulisan mengenai *aizuchi*. Oleh kerana ia disertai dengan bukti iaitu, jika penutur semasa tidak menghiraukan isyarat yang dihantar oleh pendengar yang memberi *aizuchi* amaran ini, pendengar (iaitu P) akan memotong ujaran penutur dan memberi giliran bercakap kepada penutur yang lain.

Sebenarnya P tidak sewenang-wenangnya memotong ujaran penutur semasa terutama di dalam perbualan berkumpulan kerana di dalam perbualan sebegini, bercakap lama adalah sesuatu yang telah dijangka kerana setiap orang penutur berhak diberi peluang sehingga beliau habis memberi pendapat. P akan memotong ujaran apabila masa bercakap dan topik yang diuatakan oleh penutur semasa telah keluar dari masa dan had yang sepatutnya. Pun begitu, P tetap memberi amaran awal dengan memberi *aizuchi* lampu kuning ini kepada para peserta. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa penutur asli bahasa Jepun merupakan pendengar yang baik dan bertertib di dalam perbualan.

Dengan memberi *aizuchi haa* dan *hoo*, pendengar ingin menunjukkan bahawa pendengar ‘lebih memahami’ perasaan penutur berbanding dengan memberi *aizuchi* lain. *Haa* dan *hoo* juga boleh digunakan untuk menunjukkan perasaan tidak bersetuju dengan penutur secara tidak langsung. Kesemua ini bergantung kepada konteks ujaran penutur dan intonasi *aizuchi* semasa ia diujarkan. *Aizuchi haa* dan *hoo* ini mempunyai konotasi ketidakpastian, dan adalah agak sukar untuk mengagak makna yang sebenar seperti maksud penuturnya. Walaupun begitu ia sememangnya mempunyai kedua-dua konotasi positif dan negatif. Keadaan ini juga menunjukkan sifat bahasa dan penutur bahasa Jepun yang tidak terus-terang sebagaimana penggunaan kata kerja *to omoimasu* dan *to kangaemasu* yang bermaksud ‘saya berpendapat’ atau ‘saya rasa’.

Jika Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) menyatakan bahawa pengambilan giliran adalah unit asas di dalam perbualan, penulis berpendapat di dalam perbualan terutama di dalam perbualan bahasa Jepun, *aizuchi* adalah unit yang ‘paling’ asas. Ini kerana sebelum seseorang penutur mengambil giliran, *aizuchi* telah pun memainkan peranannya terlebih dahulu. Di dalam perbualan bahasa Jepun, tanpa *aizuchi* atau jumlah *aizuchi* yang kurang daripada pendengar boleh membantutkan perbualan dan mencacatkan komunikasi.

7.9 Penutup

Daripada dapatan data perbualan kita dapat melihat bahawa perbualan bukan sekadar proses interaksi antara dua atau tiga pihak sahaja. Kita dapat melihat bahawa perbualan atau ujaran yang terlibat itu sendiri mencerminkan budaya yang tersirat di sebalik penggunaan bahasa. Apa yang dimaksudkan sebagai ‘budaya’ adalah bukan sahaja cara hidup atau cara berbahasa sesuatu golongan bangsa, tetapi juga satu cara hidup atau cara berbahasa satu kumpulan kecil manusia.

Oleh kerana itulah kita dapat melihat kelainan dari segi ciri-ciri perbualan seperti celahan, pertindanan, strategi-strategi yang digunakan di dalam perbualan, kuasa dan *aizuchi*. Dapatan kajian mungkin sama secara asasnya dengan bahasa-bahasa lain, misalnya perbualan bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Jepun, mengandungi ciri-ciri celahan dan pertindanan. Namun apabila diteliti dengan lebih halus, ciri-ciri celahan yang terdapat di dalam ketiga-tiga bahasa ini mungkin berbeza. Juga akan terdapat perbezaan ciri-ciri ini walaupun dilakukan di dalam bahasa yang sama jika konteks yang mendasari perbualan itu berlainan. Misalnya, ciri-ciri perbualan berkumpulan dan perbualan perorangan di dalam kajian ini walaupun didasari oleh bahasa dan golongan yang sama, ciri-cirinya tetap berbeza. Juga, ciri-ciri perbualan perorangan yang dibuat oleh Tanaka (2000) turut mempunyai dapatan yang berbeza dengan perbualan perorangan penulis.

Walaupun bahasa Jepun tidak mempunyai *early pojection strategies* yang banyak seperti bahasa Inggeris, penulis bersetuju dengan Tanaka (2000) bahawa penutur asli bahasa Jepun tidak mempunyai kesukaran untuk menentukan bila masa yang sesuai untuk mengambil giliran atau mengenal kemungkinan TRP. Jika kita dapat memahami konsep *aizuchi* dan isyarat yang dihantar oleh penutur semasa kepada pendengar melalui kata prapenutup di dalam ujaran terakhirnya, maka pendengar tiada kesukaran untuk mengenal kemungkinan TRP. Malah penutur semasa juga akan dapat menyampaikan mesejnya dengan lebih jelas akibat kehadiran *aizuchi* dan *aizuchi* penutup.

Oleh kerana penutur dan pendengar bahasa Jepun sering dirujuk sebagai ‘pendengar yang taat’, kajian Tanaka (2000) menunjukkan pendengar akan menunggu sehingga kepada 3 suku kata ujaran terakhir sebelum mengambil giliran. Dan kajian penulis juga menunjukkan dapatan yang sama. Celahan yang bertujuan untuk merampas giliran atau mengganggu ujaran penutur semasa jarang berlaku terutama di dalam perbualan perorangan. Di dalam perbualan berkumpulan merampas giliran tidak dapat dielakkan kerana perdebatan melibatkan dua kumpulan yang bertentangan ideologi dan parti politik.

Sebagai pendengar yang baik, prinsip asasnya adalah mendengar ujaran penutur semasa sehingga kepada ujaran terakhir sebelum mengambil giliran. Pendengar memberi *aizuchi* bagi membolehkan penutur semasa meneruskan ujaran tanpa tertanya-tanya adakah gilirannya sudah tamat atau belum.

Manakala penutur semasa pula memberi isyarat dengan membuat ujaran terakhir melalui kata kerja penutup *to omoimasu*, *to kangaemasu* dan sebagainya, serta ujaran *hai* atau *haa* bagi memberi peluang kepada penutur lain mengambil giliran.

Penutur semasa, semasa berada di pertengahan ujaran akan menggunakan strategi-strategi tertentu untuk mengekalkan giliran. Dengan kata lain, mereka memberitahu pendengar secara tidak langsung bahawa mereka masih akan meneruskan ujaran dan dengan itu *aizuchi* dari pendengar masih diperlukan.